



Johari (duduk enam dari kanan) dan Syed Ali Alhabshee (duduk lima dari kanan) pada Majlis Konvokesyen Kolej Antarabangsa YPC dan Majlis Perasmian Auditorium Tan Sri Syed Abbas Alhabshee di Kolej Antarabangsa YPC, Taman Maluri, Kuala Lumpur, semalam.

'Gaji besar, liat bayar PTPTN'

➔ Graduan berpendapatan tinggi enggan bayar pinjaman disifatkan tak rasional

Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias
dan Nadia Hamid
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sikap tidak bertanggungjawab, menyaksikan ada dalam kalangan peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) masih liat atau ingkar menyelesaikan pinjaman masing-masing, walaupun selepas memperoleh pekerjaan dengan gaji sehingga RM10,000 sebulan.

Ketika mendedahkan perbuatan itu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani

RM5,000 hingga RM10,000 sebulan, tetapi masih membayar balik RM50 sebulan kepada PTPTN.

Beliau menyifatkan, perbuatan golongan terbabit sebagai tidak rasional, selepas masing-masing menikmati kemudahan pembiayaan daripada PTPTN sepanjang pengajian di institusi pengajian tinggi.

“Kes seperti ini sudah berkurangan sejak PTPTN menjalankan tindakan penguatkuasaan, namun ia masih berlaku. Apabila gaji meningkat, mereka sendiri perlu meningkatkan bayaran.

Bayar ikut jadual

“Bagaimanapun jika memiliki gaji rendah atau tidak mampu, mereka boleh tampil berbincang dengan PTPTN untuk mendapat amaun berpatutan, contohnya RM50 sebulan, tetapi apabila gaji meningkat bayarlah mengikut jadual yang ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen Ke-13, Kolej Antarabangsa Yayasan Pendidikan Cheras (YPC) di sini, semalam.

Pada majlis itu, seramai 106

da mereka dipilih menerima Anugerah Pelajar Terbaik YPC 2017.

Yang turut hadir Pengerusi YPC, Datuk Seri Syed Ali Al-Habshee, yang bersama-sama melancarkan Auditorium Tan Sri Syed Abbas Alhabshee sebagai kemudahan tambahan kepada sekolah angkat YPC.

Bincang dengan PTPTN

Johari berkata, peminjam yang belum bekerja juga perlu tampil berbincang dengan PTPTN, bagi mengelakkan mereka disenarai hitam hingga berdepan dengan pelbagai kesukaran termasuk memperoleh pekerjaan.

Katanya, kerajaan sudah membelanjakan RM43 bilion untuk membiayai pinjaman PTPTN sejak perbadanan itu ditubuhkan pada 2012.

“Bayaran balik yang sudah dan akan dikutip bukan untuk kegunaan kerajaan, sebaliknya diperlukan oleh PTPTN untuk membiayai pelajar yang akan melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi tempatan,” katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau menasihati peminjam

mastikan pelajar masing-masing layak mendapat pembiayaan PTPTN.

“Mereka juga perlu menawarkan program pengajian selaras kehendak semasa. Contohnya pada masa akan datang, banyak peluang kerja dalam bidang digital ekonomi ditawarkan,” katanya.

April lalu, BH melaporkan PTPTN mengutip RM10.9 bilion bayaran balik daripada 1.3 juta peminjamnya. Namun jumlah itu masih rendah berbanding kutipan sepatutnya iaitu RM18.8 bilion daripada 1.9 juta peminjam.

Sementara itu, ketika mengulas mengenai penyelesaian pinjaman hutang 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dengan International Petroleum Investment Company (IPIC) milik Abu Dhabi yang perlu dibayar hari ini, Johari berkata, perkara terbabit sedang diuruskan 1MDB.

Penyelesaian itu dibuat menerusi perjanjian antara IPIC, Aabar Investments, Kementrian Kewangan (Diperbadankan) Malaysia dan 1MDB, dengan keputusan persetujuan Tribunal Timbang Tara masing-

Duta Besar Amerika Syarikat,
berkata ada juga dalam kala-
ngan graduan yang memper-
oleh pendapatan di antara

Pada majlis itu, seramai 100
graduan menerima diploma
masing-masing dalam pelbagai
jurusan dengan empat daripa-

beratu menasihat pengurusan
kolej swasta supaya sentiasa
memenuhi syarat, piawaian
dan kualiti ditetapkan bagi me-

Tribunal Timbang Tara masing-
masing RM2.6 bilion pada 31
Julai dan 31 Disember tahun
ini.